

PKR tangguh pemilihan parti
Malaysian Insider
Mei 25, 2013
Oleh Md Izwan dan Ida Lim

PETALING JAYA, 25 Mei — PKR meluluskan usul untuk menangguhkan pemilihan parti selepas majoriti delegasi bersetuju dengan cadangan tersebut yang dibentangkan hari ini oleh Setiausaha Agung Datuk Saifuddin Nasution Ismail semasa Kongres Nasional Ke-9.

Saifuddin semasa membentangkan usul tersebut berkata penangguhan tersebut akan mengambil masa sekurang-kurangnya 6 bulan dan tarikh pemilihan parti akan diumumkan kemudian.

“Usul ini dicadangkan agar tempoh khidmat di Cabang dan Majlis Pimpinan Pusat (MPP) dilanjutkan tidak melebihi 6 bulan seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan parti sehinggalah pemilihan dibuat,” kata Saifuddin semasa membentangkan usul penangguhan tersebut.

“Ia akan beri mandat kepada MPP untuk cadang pindaan perlembagaan hasil daripada input Cabang mengikut fasal-fasal berkaitan dengan pemilihan parti untuk dibentangkan dan diluluskan dalam satu Kongres Nasional Khas yang akan diadakan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan,” tambahnya lagi.

Rabu lalu, Saifuddin dalam satu sidang membayangkan mungkin akan menangguhkan pemilihan parti dengan memberi alasan langkah tersebut diambil kerana mereka baru sahaja melalui pilihan raya umum sengit pada 5 Mei lalu.

Saifuddin juga berkata satu sidang mesyuarat agung khas akan diadakan untuk meminda perlembagaan parti dan tarikhnya akan diumumkan selepas ini.

Sebanyak 2,500 delegasi bersidang pada kongres yang berakhir hari ini di Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), disamping kehadiran pemerhati dan tetamu khas parti serta wakil daripada 221 cabang diseluruh negara.

Kali terakhir PKR mengadakan pemilihan parti adalah pada tahun 2010 lalu, Pendaftar Pertubuhan (RoS) telah menetapkan setiap pertubuhan yang berdaftar perlu mengadakan pemilihan setiap tiga tahun sekali.

PKR merupakan parti politik pertama melaksanakan pemilihan secara langsung bagi semua jawatan di peringkat cabang dan Majlis Pimpinan Pusat (MPP), termasuk jawatan presiden, timbalan presiden, empat naib presiden dan 20 anggota MPP.

Dalam pilihan raya 5 Mei lalu, PKR memenangi 30 kerusi Parlimen daripada 89 keseluruhan yang diperolehi oleh gabungan pembangkang Pakatan Rakyat (PR), DAP memenangi 38 kerusi manakala PAS pula 21 kerusi.

Keputusan Pilihan Raya 2013 menyaksikan parti pemerintah Barisan Nasional (BN) buat kali pertama hilang undi popular apabila hanya memperoleh 47 peratus berbanding PR memperoleh 50 peratus.

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pkr-tanggung-pemilihan-parti/>